

ORANG DILINDUNGI :
JUMLAH DILINDUNGI : : **TARIKH SIJIL**
PELAN : AIA i-Critical Illness Cover : **TARIKH PENYERTAAN**
NOMBOR SIJIL : : **TARIKH MATANG**
AGENSI : -

Kami akan, tertakluk kepada peruntukan Sijil ini, membayar faedah yang diperuntukkan di bawah Sijil ini setelah berpuas hati bahawa keadaan di mana faedah boleh dibayar telah berlaku semasa Sijil ini berkuatkuasa.

Pelan Asas Takaful dan kontrak tambahan, sekiranya ada, yang diperuntukkan oleh Sijil ini dengan Jumlah Faedahnya, ada dinyatakan di dalam Jadual Faedah dan Caruman di Halaman Maklumat Sijil. Hak untuk faedah, pengecualian faedah, syarat-syarat bayaran dan lain-lain maklumat Sijil dinyatakan di dalamnya.

Dikuatkuasakan dan ditandatangani oleh Kami pada Tarikh Penyertaan untuk Sijil ini seperti yang dinyatakan dalam Halaman Maklumat Sijil.



Pendaftar



Ketua Pegawai Eksekutif

Duti Setem Berbayar

**CERTIFICATE INFORMATION PAGE /
HALAMAN MAKLUMAT SIJIL**

Person Covered <i>Orang Dilindungi</i>	:	NRIC No. <i>No. KP.</i>	:
Age (Admitted) <i>Umur (Disahkan)</i>	:	Gender <i>Jantina</i>	:
Participant <i>Peserta</i>	:	NRIC No. <i>No. KP</i>	:
Age <i>Umur</i>	:	Gender <i>Jantina</i>	:
Product <i>Produk</i>	:	Certificate Date <i>Tarikh Sijil</i>	:
Certificate No. <i>No. Sijil</i>	:	Issue Date <i>Tarikh Penyertaan</i>	:
Basic Sum Covered <i>Jumlah Dilindungi Asas</i>	:	Expiry / Maturity Date <i>Tarikh Tamat / Matang</i>	:

SCHEDULE OF BENEFITS AND CONTRIBUTIONS / JADUAL FAEDAH DAN CARUMAN

Benefits <i>Faedah-Faedah</i>	Sum Covered <i>Jumlah Dilindungi (RM)</i>	Contributions <i>Caruman (RM)</i>	Contribution Cease Date <i>Tarikh Caruman Terakhir</i>	Expiry / Maturity Date <i>Tarikh Tamat / Matang</i>	Form No. <i>No. Borang</i>
---	---	---	--	---	--------------------------------------

ANNUAL CONTRIBUTION: RM
CARUMAN TAHUNAN

TOTAL AMOUNT PAYABLE (ANNUAL): RM
JUMLAH AMAUN YANG PERLU DIBAYAR (TAHUNAN):

CONTRIBUTIONS ARE PAYABLE ON THE CERTIFICATE DATE AND IN ADVANCE SUBJECT TO THE TERMS AND CONDITIONS OF THE CERTIFICATE.
CARUMAN PERLU DIBAYAR PADA TARIKH SIJIL DAN TERLEBIH DAHULU TERTAKLUK KEPADA TERMA DAN SYARATSIJIL.

TAKRIFAN ASAS

Dalam Sijil ini:

“**Aktiviti Kehidupan Harian (ADL)**” adalah seperti berikut:

- (i) Pemindahan
Duduk dan bangun dari kerusi tanpa memerlukan bantuan fizikal.
- (ii) Pergerakan
Keupayaan untuk bergerak dari satu bilik ke bilik yang lain tanpa memerlukan bantuan fizikal.
- (iii) Perihal Mengawal
Keupayaan untuk mengawal fungsi usus dan pundi kencing secara sendirinya seperti menjaga kebersihan diri.
- (iv) Pemakaian
Memakai dan menanggalkan kesemua pakaian yang perlu tanpa memerlukan bantuan orang lain.
- (v) Mandi/ Membersihkan diri
Keupayaan untuk membersihkan diri di tempat mandi tab atau mandi pancuran (termasuk memasuki dan keluar dari tempat mandi tab atau mandi pancuran) atau membersihkan diri dengan cara yang lain.
- (vi) Makan
Kesemua tugas memasukkan makanan ke dalam badan apabila makanan telah disediakan.

“**Tempoh Penilaian**” bermaksud tempoh yang mana Kami akan menilai keadaan sebelum menentukan sama ada keadaan tersebut layak atau tidak dikira sebagai kekal. Tempoh penilaian adalah untuk jangka masa tempoh minimum yang dinyatakan dalam definisi yang berkaitan dan tidak akan lebih daripada dua belas (12) bulan (dengan syarat segala bukti yang diperlukan telah diserahkan).

“**Jumlah Dilindungi Asal**” atau “**Jumlah Dilindungi**” bermaksud amaun permulaan perlindungan Takaful dalam Sijil apabila ia dikeluarkan dan dinyatakan pada Halaman Maklumat Sijil. Jika Jumlah Dilindungi dikurangkan kemudiannya mengikut terma-terma dan syarat-syarat Sijil ini, maka amaun yang berkurangan selepas pindaan tersebut akan menjadi Jumlah Dilindungi

“**Sijil**” bermaksud AIA i-Critical Illness Cover.

“**Ulang Tahun Sijil**” bermaksud tarikh yang sama dengan Tarikh Sijil pada setiap tahun.

“**Tarikh Sijil**” bermaksud tarikh seperti yang tercatat dalam Halaman Maklumat Sijil adalah tarikh yang digunakan untuk menentukan Ulang Tahun Sijil, Tahun Sijil, Bulan Sijil dan Tarikh genap tempoh Caruman.

“**Tahun Sijil**” bermaksud tempoh dua belas (12) bulan di antara dua (2) Ulang Tahun Sijil.

“**Kenalan Bersekutu Rapat**” bermaksud mana-mana individu yang saling berhubung dan berkait rapat dengan Entiti, sama ada secara sosial atau profesional.

“**Caruman**” bermaksud jumlah yang Anda perlu bayar kepada Kami untuk menyertai Sijil ini, seperti yang dinyatakan dalam Halaman Maklumat Sijil.

“**Pembedahan Dilindungi**” bermaksud pelbagai operasi atau prosedur pembedahan yang ditakrifkan atau ditentukan dalam Takrifan Penyakit Kritikal.

“**Penyakit Kritikal**” bermaksud penyakit yang tanda atau gejalanya bermula lebih daripada tiga puluh (30) hari (melainkan Penyakit Kritikal No. 2, 3, 4, 5 dan 6 yang tertakluk kepada enam puluh (60) hari) selepas Tarikh Penyertaan, atau Tarikh Mula Sijil ini, yang mana kemudian, dan hendaklah termasuk sama ada diagnosis sebarang penyakit berikut atau prestasi sebarang Pembedahan Dilindungi seperti yang tertera di bawah, iaitu:

1. Strok / Angin Ahmar – mengakibatkan defisit neurologi kekal dengan simptom-simptom klinikal berterusan

Kematian tisu otak akibat bekalan darah yang tidak cukup, pendarahan dalam tengkorak atau embolisasi dari satu sumber selain dari kranium yang mengakibatkan defisit neurologi kekal dengan simptom klinikal berterusan. Diagnosis ini mesti berdasarkan kepada perubahan yang boleh dilihat pada imbasan CT atau MRI dan disahkan oleh seorang pakar neurologi. Tempoh Penilaian minimum selama tiga (3) bulan adalah digunapakai.

Untuk definisi di atas, berikut adalah tidak dilindungi:

- (i) Serangan iskemia sementara (TIA);
- (ii) Simptom-simptom serebral yang disebabkan oleh migrain;
- (iii) Kecederaan traumatik pada tisu otak atau salur-salur darah;
- (iv) Penyakit vaskular yang memberi kesan terhadap mata atau saraf optic atau fungsi-fungsi vestibular.

2. Kanser - keterukan tertentu dan tidak melindungi kanser tahap awal

Sebarang tumor malignan yang didiagnosis positif dengan pengesahan histologi dan bercirikan pertumbuhan sel malignan yang tidak terkawal dan serangan tisu. Terma tumor malignan termasuk leukemia, limfoma dan sarcoma.

Untuk definisi di atas, berikut adalah tidak dilindungi:

- (i) Semua kanser yang secara histologinya diklasifikasikan sebagai berikut:
 - pra-malignan
 - bukan invasif
 - Karsinoma in situ
 - mempunyai malignan pinggiran (borderline)
 - mempunyai potensi malignan
- (ii) Semua tumor prostat yang secara histologinya diklasifikasikan sebagai T1N0M0 (Klasifikasi TNM);
- (iii) Semua tumor tiroid yang secara histologinya diklasifikasikan sebagai T1N0M0 (Klasifikasi TNM);
- (iv) Semua tumor pundi kencing yang secara histologinya diklasifikasikan sebagai T1N0M0 (Klasifikasi TNM);
- (v) Leukemia Limfositik Kronik kurang daripada RAI Tahap 3;
- (vi) Semua kanser dengan kewujudan HIV;
- (vii) Sebarang kanser kulit selain melanoma malignan.

3. Serangan Jantung - keterukan tertentu

Kematian otot jantung, disebabkan oleh kekurangan bekalan darah yang telah menyebabkan infarksi miokardium akut dengan semua bukti berikut:

- (i) Sejarah sakit dada tipikal;
- (ii) Perubahan ciri baru elektrokardiografik; dengan pembentukan salah satu daripada yang berikut: peningkatan atau penurunan ST, penyonsangan (inversi) gelombang T, patologi gelombang Q atau blok cabang berkas kiri; dan
- (iii) Peningkatan petunjuk kardium, termasuk CPK-MB melebihi tahap normal makmal yang diterima secara umum atau Troponin yang direkodkan berada di peringkat berikut atau lebih tinggi:
 - Troponin T Kardium atau Troponin I Kardium $> / = 0.5$ ng/ml

Bukti mesti menunjukkan kejadian infarksi miokardium akut adalah pasti, yang mana seharusnya disahkan oleh pakar kardiologi atau pakar perubatan.

Untuk definisi di atas, berikut adalah tidak dilindungi:

- (i) kejadian sindrom koronari akut termasuk tetapi tidak terhad kepada angina tidak stabil.
- (ii) peningkatan petunjuk kardium akibat daripada prosedur perkutaneus untuk penyakit arteri koronari.

4. Pembedahan Pintasan Arteri Koronari

Merujuk kepada pembedahan bukaan dada sebenar untuk memulihkan atau merawat Penyakit Arteri Koronari (CAD) dengan cara cantuman pintasan arteri koronari.

Untuk definisi di atas, berikut adalah tidak dilindungi:

- (i) angioplasti;
- (ii) teknik intra-arteri yang lain atau teknik berasaskan kateter;
- (iii) prosedur lubang kunci (keyhole);
- (iv) prosedur laser.

5. Penyakit Arteri Koronari Serius

Penyempitan lumen bagi Arteri Koronari Kanan (RCA), Anterior Kiri Arteri Menurun (LAD) dan Arteri Sirkumfleksi (tidak termasuk cabang-cabang), berlaku pada masa yang sama dengan minimum enam puluh peratus (60%) dalam setiap arteri seperti yang dibuktikan oleh arteriografi koronari (prosedur diagnostik bukan invasif adalah tidak dilindungi). Penyempitan sebanyak enam puluh peratus (60%) atau lebih pada Stem Utama Kiri akan dianggap sebagai penyempitan Anterior Kiri Arteri Menurun (LAD) dan Arteri Sirkumfleksi. Kejadian yang dilindungi akan dibayar tidak mengira samada sebarang bentuk pembedahan arteri koronari telah dijalankan atau tidak.

6. Angioplasti dan Rawatan Invasif Lain untuk Penyakit Arteri Koronari

Menjalani Angioplasti Belon Arteri Koronari, arterektomi, rawatan laser atau memasukkan sten buat pertama kali untuk membetulkan satu atau lebih arteri koronari yang sempit atau tersumbat seperti yang dibuktikan oleh angiografi.

Prosedur penyiasatan intra-arteri adalah tidak dilindungi.

7. Pembedahan Injap Jantung

Menjalani pembedahan jantung terbuka untuk menggantikan atau memperbaiki injap jantung disebabkan oleh kecacatan atau keabnormalan injap jantung.

Untuk definisi di atas, berikut adalah tidak dilindungi:

- (i) Pembaikan menerusi prosedur intra-arteri;
- (ii) Pembaikan menerusi pembedahan lubang kunci atau lain-lain teknik yang serupa.

8. Hepatitis Viral Fulminan

Nekrosis (kematian tisu hati) yang separa besar (sub-masif) kepada besar (masif) yang disebabkan oleh sebarang virus seperti yang dibuktikan oleh semua kriteria diagnostik yang berikut:

- (i) Penyusutan saiz hati dengan pantas seperti yang disahkan oleh ultrasound abdomen;
- (ii) Nekrosis (kematian tisu) melibatkan keseluruhan lobula, meninggalkan hanya satu rangka retikulum;
- (iii) Ujian kefungsi hati yang semakin merosot; dan
- (iv) Jaundis yang semakin mendalam.

Jangkitan viral hepatitis atau status pembawa sahaja (termasuk tetapi tidak terhad kepada Hepatitis B dan Hepatitis C) tanpa kriteria diagnostik di atas adalah tidak dilindungi.

9. Kegagalan Hati Tahap Akhir

Kegagalan hati tahap akhir dibuktikan oleh semua yang berikut:

- (i) Jaundis kekal;
- (ii) Asites (lebih cecair dalam kaviti peritoneal); dan
- (iii) Ensefalopati hepatic.

Kegagalan hati berpunca dari alkohol atau penyalahgunaan dadah adalah tidak dilindungi.

10. Hipertensi Arteri Pulmonari Primer – *keterukan tertentu*

Diagnosis muktamad hipertensi pulmonari primer dengan pembesaran ketara ventrikel kanan yang ditentukan menerusi penyiasatan termasuk kateter jantung, yang menyebabkan kecacatan fizikal kekal sehingga tahap sekurang-kurangnya klasifikasi Kelas III Persatuan Jantung New York (NYHA) bagi kerosakan jantung.

Hipertensi arteri pulmonari disebabkan oleh sebab-sebab lain adalah dikecualikan daripada manfaat ini.

Klasifikasi NYHA bagi Kerosakan Jantung untuk Kelas III dan Kelas IV bermaksud seperti berikut:

Kelas III: Aktiviti fizikal yang terhad. Selesa ketika rehat, tetapi aktiviti yang kurang daripada kebiasaan akan menyebabkan simptom-simptom.

Kelas IV: Tidak boleh terlibat dalam apa jua aktiviti fizikal tanpa merasa tidak selesa. Simptom-simptom mungkin muncul walaupun ketika rehat.

11. Penyakit Paru-paru Tahap Akhir

Penyakit paru-paru tahap akhir yang menyebabkan kegagalan pernafasan kronik. Semua kriteria berikut mestilah dipenuhi:

- (i) Keperluan rawatan oksigen berkala secara kekal;
- (ii) Gangguan kekal pada fungsi paru-paru dengan isi padu Ekspirasi Paksa (FEV) yang konsisten kurang daripada satu (1) liter pada saat pertama;
- (iii) Sesak nafas dalam keadaan rehat; dan
- (iv) Analisis Asas Gas Darah Arteri dengan tekanan oksigen separa sebanyak 55mmHg atau kurang.

12. Kegagalan Buah Pinggang – *memerlukan dialisis atau transplan buah pinggang*

Kegagalan buah pinggang peringkat akhir yang dikemukakan sebagai kegagalan kronik tidak boleh pulih pada kedua-dua buah pinggang untuk berfungsi, yang mengakibatkan dialisis secara berkala dimulakan atau transplan buah pinggang perlu dijalankan.

13. Pembedahan Aorta

Menjalani pembedahan menerusi torakotomi atau laparotomi (pembedahan bukaan dada atau abdomen) untuk membetulkan aneurisme aorta, sekatan aorta atau pembelahan aorta. Untuk definisi ini, aorta hendaklah bermaksud aorta di bahagian dada dan abdomen tetapi bukan cabangnya.

Untuk definisi di atas, berikut adalah tidak dilindungi:

- (i) angioplasti;
- (ii) lain-lain kaedah intra-arteri atau teknik berasaskan kateter;
- (iii) prosedur lubang kunci yang lain;
- (iv) prosedur laser.

14. Anemia Aplastik Kronik - *mengakibatkan Kegagalan Kekal Sumsum Tulang*

Kegagalan kekal dan tidak boleh pulih sumsum tulang yang menyebabkan anemia, neutropenia dan trombositopenia memerlukan sekurang-kurangnya dua (2) daripada rawatan berikut:

- (i) Tranfusi produk darah berkala;
- (ii) Agen perangsang sumsum;
- (iii) Agen immunosupresif; atau
- (iv) Transplan sumsum tulang.

Diagnosis mesti disahkan oleh biopsi sumsum tulang.

15. Transplan Organ Utama/Sumsum Tulang

Penerimaan transplan seperti berikut:

- (i) Sumsum tulang manusia menggunakan sel stem hematopoietik didahului dengan ablasi sumsum tulang menyeluruh; atau
- (ii) Salah satu daripada organ-organ manusia berikut: jantung, paru-paru, hati, buah pinggang, pankreas yang tidak dapat dipulihkan akibat kegagalan tahap akhir organ yang berkenaan.

Lain-lain pemindahan sel stem adalah tidak dilindungi.

16. Buta – Kekal dan Tidak Boleh Pulih

Kehilangan penglihatan kekal dan tidak boleh pulih akibat kemalangan atau penyakit sehingga suatu tahap apabila diuji menggunakan alat bantuan penglihatan, penglihatan diukur pada 3/60 atau lebih teruk untuk kedua-dua belah mata menggunakan carta mata Snellen atau ujian yang setara dan keputusan tersebut mestilah disahkan oleh pakar oftalmologi.

17. Pekak – Kekal dan Tidak Boleh Pulih

Hilang Upaya mendengar secara kekal dan tidak boleh pulih akibat kemalangan atau penyakit sehingga suatu tahap kehilangan yang lebih daripada 80 desibel merentasi semua frekuensi pendengaran pada kedua-dua belah telinga. Bukti perubatan di dalam bentuk keputusan ujian audiometri dan ujian ambang bunyi mesti disediakan dan disahkan oleh pakar Telinga, Hidung dan Tekak (ENT).

18. Hilang Keupayaan Bertutur

Hilang keupayaan bertutur sepenuhnya, berkekalan dan tidak boleh pulih disebabkan oleh kecederaan atau penyakit. Tempoh Penilaian minimum selama enam (6) bulan adalah digunapakai. Bukti perubatan untuk mengesahkan kecederaan atau penyakit kepada peti suara untuk menyokong kehilangan upaya ini mesti diberikan oleh pakar Telinga, Hidung dan Tekak (ENT).

Semua sebab yang berkaitan psikiatrik adalah tidak dilindungi.

19. Koma – mengakibatkan defisit neurologi kekal dengan simptom klinikal yang berterusan

Kedadaan tidak sedar diri tanpa sebarang gerak balas atau tindak balas terhadap rangsangan luar atau keperluan dalaman, yang berterusan untuk sekurang-kurangnya sembilan puluh enam (96) jam, memerlukan penggunaan sistem sokongan hayat dan mengakibatkan defisit neurologi kekal dengan simptom klinikal berterusan. Tempoh Penilaian minimum selama tiga puluh (30) hari adalah digunapakai. Pengesahan oleh pakar neurologi mesti dikemukakan.

Berikut adalah tidak dilindungi:

- (i) Koma diakibatkan langsung daripada penyalahgunaan alkohol atau dadah.

20. Kelecuran Tahap Ketiga – *keterukan tertentu*

Lecuran kulit tahap ketiga (iaitu ketebalan penuh) meliputi sekurang-kurangnya dua puluh peratus (20%) daripada jumlah kawasan permukaan badan.

21. Sklerosis Multipel

Diagnosis muktamad sklerosis multipel oleh pakar neurologi. Diagnosis mestilah disokong oleh semua perkara berikut:

- (i) Siasatan yang mengesahkan bahawa diagnosis adalah Sklerosis Multipel;
- (ii) Defisit neurologi berbilang yang menyebabkan kecacatan fungsi motor dan deria untuk tempoh yang berterusan sekurang-kurangnya enam (6) bulan; dan
- (iii) Sejarah eksaserbasi dan peredaan bagi simptom-simptom yang disebut dan defisit neurologi yang didokumenkan dengan baik.

22. Kelumpuhan Anggota

Hilang penggunaan penuh, kekal dan tidak boleh pulih kedua-dua tangan atau kedua-dua kaki, atau satu tangan dan satu kaki, akibat lumpuh disebabkan oleh penyakit atau kecederaan. Tempoh Penilaian minimum selama enam (6) bulan adalah digunapakai.

23. Distrofi Otot

Diagnosis muktamad Distrofi Otot oleh pakar neurologi dan mesti disokong oleh kesemua berikut:

- (i) Penampilan klinikal kelemahan otot yang progresif;
- (ii) Tiada penglibatan saraf tengah / periferan sebagai bukti untuk kehilangan gangguan sensor;
- (iii) Hasil penemuan ciri-ciri elektromiogram dan biopsi otot.

Tiada manfaat akan dibayar di bawah peristiwa dilindungi sebelum Orang Dilindungi mencapai umur 12 tahun tarikh lahir berikutnya.

24. Penyakit Alzheimer / Demensia Teruk

Kemerosotan atau hilang keupayaan intelektual yang disahkan dengan penilaian klinikal dan ujian imej diakibatkan oleh Penyakit Alzheimer atau Demensia Teruk yang disebabkan oleh kecelaruan otak organik yang tidak boleh pulih. Kejadian yang dilindungi ini mesti mengakibatkan pengurangan ketara fungsi mental dan sosial yang memerlukan pengawasan berterusan ke atas Anda. Diagnosis mesti disahkan secara klinikal oleh pakar neurologi.

Berdasarkan definisi di atas, berikut adalah tidak dilindungi:

- (i) Kecelaruan otak bukan organik seperti neurosis;
- (ii) Penyakit psikiatrik;
- (iii) Kerosakan otak berkaitan dadah atau alkohol.

25. Penyakit Neuron Motor – *defisit neurologi kekal dengan simptom klinikal berterusan*

Diagnosis muktamad penyakit neuron motor oleh pakar neurologi dengan merujuk kepada atrofi otot tulang belakang, bulbar palsy progresif, sclerosis amiotrofik lateral atau sclerosis lateral utama. Mesti ada kekurangan neurologi kekal bersama dengan simptom klinikal berterusan.

26. Penyakit Parkinson – *mengakibatkan ketidakupayaan kekal untuk melakukan Aktiviti Kehidupan Harian*

Diagnosis muktamad Penyakit Parkinson oleh pakar neurologi di mana semua keadaan berikut dipenuhi:

- (i) Tidak boleh dikawal dengan ubat-ubatan;
- (ii) Menunjukkan tanda-tanda kemerosotan progresif; dan
- (iii) Pengesahan ketidakupayaan kekal Anda untuk melakukan tiga (3) atau lebih daripada Aktiviti Kehidupan Harian tanpa bantuan.

Hanya penyakit Parkinson idiopatik sahaja yang dilindungi. Parkinson yang disebabkan oleh ubat-ubatan atau toksik adalah tidak dilindungi.

27. Penyakit Terminal (Membawa Maut)

Diagnosis muktamad sesuatu keadaan yang dijangka mengakibatkan kematian Anda dalam tempoh 12 bulan. Anda mestilah tidak lagi menerima rawatan aktif selain daripada untuk melegakan kesakitan. Diagnosis ini mestilah disokong dengan pengesahan bertulis daripada doktor pakar yang bersesuaian dan disahkan oleh doktor yang dilantik oleh Kami.

28. Ensefalitis – *mengakibatkan ketidakupayaan kekal untuk melakukan Aktiviti Kehidupan Harian*

Keradangan teruk bahan otak, mengakibatkan kecacatan fungsian kekal. Kecacatan fungsian kekal mesti mengakibatkan ketidakupayaan untuk melakukan sekurang-kurangnya tiga (3) Aktiviti Kehidupan Harian. Tempoh Penilaian minimum selama tiga puluh (30) hari adalah digunapakai. Kejadian yang dilindungi mestilah disahkan oleh pakar neurologi.

Ensefalitis dengan kewujudan jangkitan HIV adalah tidak dilindungi.

29. Tumor Otak Benign – keterukan tertentu

Tumor benign dalam otak atau meninges dalam tengkorak, di mana semua keadaan berikut dipenuhi:

- (i) Ia mengancam nyawa;
- (ii) Ia menyebabkan kerosakan otak;
- (iii) Ia telah dibuang secara pembedahan ataupun ia telah menyebabkan defisit neurologi yang kekal dengan simptom klinikal berterusan; dan
- (iv) Kewujudannya mesti disahkan oleh pakar neurologi atau pakar bedah neurologi dan disokong oleh imbasan MRI, CT atau teknik-teknik pengimejan lain yang boleh dipercayai.

Berikut adalah tidak dilindungi:

- (i) Sista;
- (ii) Granuloma;
- (iii) Kecacatan dalam atau pada arteri atau vena otak;
- (iv) Hematoma;
- (v) Tumor di dalam kelenjar pituitary;
- (vi) Tumor di dalam tulang belakang;
- (vii) Tumor saraf akustik.

30. Trauma Kepala Major (Teruk) – mengakibatkan ketidakupayaan kekal untuk melakukan Aktiviti Kehidupan Harian

Kecederaan fizikal di kepala yang mengakibatkan kerosakan kekal terhadap fungsian yang disahkan oleh pakar neurologi. Kerosakan kekal fungsian mesti menyebabkan ketidakupayaan untuk menjalankan sekurang-kurangnya tiga (3) daripada Aktiviti Kehidupan Harian. Tempoh Penilaian minimum selama tiga (3) bulan digunakan.

31. Meningitis Bakteria – mengakibatkan ketidakupayaan kekal untuk melakukan Aktiviti Kehidupan Harian

Meningitis bakteria yang menyebabkan radang pada membran-membran otak atau saraf tunjang yang mengakibatkan kerosakan fungsi kekal. Kerosakan fungsi kekal mesti menyebabkan ketidakupayaan kekal untuk menjalankan sekurang-kurangnya tiga (3) daripada Aktiviti Kehidupan Harian. Tempoh Penilaian minimum selama tiga puluh (30) hari adalah digunakan.

Diagnosis hendaklah disahkan oleh:

- (i) seorang doktor pakar yang bersesuaian; dan
- (ii) kehadiran jangkitan kuman (bakteria) di dalam cecair serebrospina oleh punktur lumbar.

Untuk definisi di atas, lain-lain bentuk meningitis, termasuk meningitis viral adalah tidak dilindungi.

32. Pembedahan Otak

Menjalani pembedahan ke atas otak di mana kraniotomi (pembedahan bukaan tengkorak) dilakukan di bawah anestesia am.

Untuk definisi di atas, berikut adalah tidak dilindungi:

- (i) Prosedur lubang gerudi (burr hole);
- (ii) Prosedur transfenoid;
- (iii) Prosedur bantuan endoskopik atau lain-lain prosedur invasif secara minimum;
- (iv) Pembedahan otak akibat kemalangan.

33. Penyakit Sistik Medular

Penyakit buah pinggang keturunan yang progresif dicirikan oleh kewujudan sista dalam medula, atrofi tubular dan fibrosis interstitial dengan manifestasi klinikal seperti anemia, poliuria dan kehilangan natrium dari ginjal, yang menyebabkan kegagalan ginjal kronik. Diagnosis mestilah disokong oleh biopsi ginjal.

34. Kehilangan Upaya Hidup Sendiri (Berdikari)

Pengesahan oleh pakar yang bersesuaian mengenai kehilangan upaya untuk hidup berdikari dan mengakibatkan ketidakupayaan kekal untuk melakukan sekurang-kurangnya tiga (3) daripada Aktiviti Kehidupan Harian. Tempoh Penilaian minimum selama enam (6) bulan adalah digunakan.

35. Jangkitan HIV Melalui Transfusi Darah

Jangkitan Virus Kurang Daya Tahan Manusia (HIV) melalui transfusi darah, dengan syarat semua keadaan berikut dipenuhi:

- (i) Transfusi darah adalah keperluan dari segi perubatan atau diberi sebagai sebahagian daripada rawatan perubatan;
- (ii) Transfusi darah adalah diterima di Malaysia atau Singapura selepas kuasa Kontrak Tambahan Penyakit Kritikal berkaitan;
- (iii) Sumber jangkitan adalah didapati daripada institusi yang memberikan transfusi darah atau institusi yang boleh mengesan punca darah yang dicemari HIV;
- (iv) Anda tidak menghidap hemofilia; dan
- (v) Anda bukan ahli mana-mana kumpulan berisiko tinggi termasuk tetapi tidak terhad kepada pengguna dadah intravena.

36. Kardiomiopati – *keterukan tertentu*

Diagnosis muktamad kardiomiopati oleh pakar kardiologi yang menyebabkan kerosakan fungsi ventrikel kekal dan menyebabkan kerosakan fizikal kekal pada sekurang-kurangnya klasifikasi kelas III Persatuan Jantung New York (NYHA) mengenai kerosakan jantung. Diagnosis hendaklah disokong oleh hasil penemuan ekokardiografik untuk prestasi ventrikel yang dikompromi.

Klasifikasi NYHA bagi Kerosakan Jantung untuk Kelas III dan Kelas IV bermaksud seperti berikut:

- Kelas III: Aktiviti fizikal yang terhad. Selesa ketika rehat, tetapi aktiviti yang kurang daripada kebiasaan akan menyebabkan simptom-simptom.
- Kelas IV: Tidak boleh terlibat dalam apa jua aktiviti fizikal tanpa merasa tidak selesa. Simptom-simptom mungkin muncul walaupun ketika rehat.

Kardiomiopati yang berkait langsung dengan penyalahgunaan alkohol atau dadah adalah tidak dilindungi.

37. AIDS Dengan Gejala Penuh.

Manifestasi klinikal bagi AIDS (Sindrom Kurang Daya Tahan Melawan Penyakit) mesti disokong oleh keputusan positif ujian antibodi HIV (Virus Kurang Daya Tahan Manusia) dan satu ujian pengesahan. Sebagai tambahan, Hayat Yang Diinsuranskan perlu mempunyai kiraan sel CD4 kurang daripada dua ratus (200) dan memenuhi satu (1) atau lebih kriteria berikut:

- (a) Kehilangan lebih daripada 10% daripada berat badan dalam tempoh enam (6) bulan atau kurang (sindrom susut badan)
- (b) Sarkoma Kaposi
- (c) Radang Paru-Paru Pneumocystis Carinii
- (d) Leukoensefalopati multifokal progresif
- (e) Tuberkulosis (batuk kering) aktif
- (f) Kurang daripada seribu (1,000) Limfosit
- (g) Limfoma Malignan.

38. Virus Kurang Daya Tahan Manusia (HIV) dijangkiti melalui Pekerjaan

Jangkitan Virus Kurang Daya Tahan Manusia (hanya sekiranya Hayat Yang Diinsuranskan merupakan Kakitangan Perubatan seperti yang didefinisikan di bawah), di mana ia dijangkiti akibat kemalangan yang berlaku semasa menjalankan tugas pekerjaan yang biasa dengan serokonversi (penukaran serum) kepada jangkitan HIV yang berlaku dalam tempoh enam (6) bulan dari kemalangan. Sebarang kemalangan yang berpotensi menimbulkan tuntutan mestilah dilaporkan kepada Syarikat dalam tempoh tiga puluh (30) hari dari berlakunya kemalangan dengan disokong oleh ujian HIV yang negatif yang diambil dalam tempoh tujuh (7) hari dari kemalangan itu.

“Kakitangan Perubatan” didefinisikan sebagai doktor (Doktor Perubatan Umum dan Doktor Pakar), pengamal perubatan tradisional, jururawat, paramedik, juruteknik makmal, doktor pergigian, jururawat pergigian, pekerja ambulans yang bekerja di pusat perubatan atau hospital atau klinik/poliklinik pergigian di Malaysia. Doktor, pengamal perubatan, jururawat dan doktor pergigian mestilah berdaftar dengan Kementerian Kesihatan Malaysia.

39. Lupus Eritematosus Sistemik Dengan Komplikasi Buah Pinggang Yang Teruk

Diagnosis muktamad Lupus Eritematosus Sistemik yang disahkan oleh pakar reumatologi.

Untuk definisi ini, kejadian yang dilindungi akan dibayar jika ia mengakibatkan Lupus Nefritis Jenis III hingga Jenis V, yang dibuktikan oleh biopsi ginjal. Bentuk lain seperti lupus diskoid, atau jenis lain dengan hematologi atau penglibatan sendi sahaja adalah tidak dilindungi.

Klasifikasi Lupus oleh WHO:

- Jenis III - Glomerulonefritis Segmen Fokus
- Jenis IV - Glomerulonefritis Resap
- Jenis V – Glomerulonefritis

“**Diagnosis**” bermaksud diagnosis muktamad yang dibuat oleh Pakar Perubatan, sepertimana ditakrifkan di bawah ini, berdasarkan bukti khusus, sepertimana yang dirujuk dalam takrifan Penyakit Kritikal tertentu yang berkenaan atau, tanpa kehadiran bukti khusus tersebut, berdasarkan bukti radiologi, klinikal, histologi atau makmal yang boleh Kami terima. Diagnosis tersebut mestilah disokong oleh doktor perubatan Kami yang akan menetapkan pendapatnya berdasarkan bukti perubatan yang dikemukakan oleh Anda dan/atau sebarang bukti tambahan yang mungkin diperlukan olehnya.

Sekiranya berlaku sebarang pertikaian atau percanggahan pendapat berkaitan kesesuaian atau ketepatan diagnosis, Kami berhak memanggil untuk pemeriksaan sama ada Anda atau bukti yang digunakan dalam menetapkan diagnosis seperti itu, oleh pakar bebas yang diiktiraf dalam bidang perubatan berkaitan yang Kami pilih dan pendapat pakar tersebut terhadap diagnosis harus dipersetujui oleh Anda dan Kami.

“**Endorsan**” bermaksud perubahan kepada Sijil ini.

“**Entiti**” bermaksud mana-mana individu, badan, organisasi, institusi, penubuhan, operasi yang:-

- (a) disekat, dilarang atau dibataskan di bawah resolusi Bangsa-bangsa Bersatu (UN) atau sekatan perdagangan atau ekonomi, undang-undang atau peraturan-peraturan Kesatuan Eropah (EU), United Kingdom atau Amerika Syarikat, atau sebarang dari negerinya, dan/atau sebarang undang-undang atau peraturan-peraturan sekatan ekonomi atau perdagangan lain yang berkenaan (“Entiti Yang Disekat”); atau
- (b) bekerja, menggaji, berdagang, atau menjalankan perniagaan dengan Entiti Yang Disekat dalam apa jua cara.

“**Tarikh Tamat Tempoh**” bagi Sijil bermaksud tarikh, seperti yang tertera dalam Halaman Maklumat Sijil, di mana Sijil akan tamat dan bagi faedah di bawah Sijil ini bermaksud tarikh, seperti yang dinyatakan dalam Jadual Faedah dan Caruman daripada Halaman Maklumat Sijil, apabila faedah tersebut tamat.

“**Tidak Boleh Dipulihkan**” bermaksud tidak mampu untuk bertambah baik secara munasabah dengan rawatan perubatan dan / atau prosedur pembedahan yang selaras dengan piawaian terkini perkhidmatan perubatan yang terdapat di Malaysia.

“**Tarikh Penyertaan**” atau “**Tarikh Mula**” bermaksud tarikh apabila perlindungan di bawah Sijil ini berkuatkuasa. Tarikh Penyertaan dinyatakan pada Halaman Maklumat Sijil dan Tarikh Mula adalah tarikh sebarang Endorsan dikeluarkan yang dinyatakan pada Endorsan yang berkaitan bilamana terma-terma dan perlindungan asal Sijil ini diubah kemudiannya. Tarikh Mula adalah juga tarikh kelulusan pengembalian semula Sijil ini jika berlaku sebarang pengembalian semula.

“**Ju'alah**” bermaksud fi di mana Pengendali Takaful berhak untuk mendapat sehingga lima puluh peratus (50%) Lebihan yang terbit daripada Dana Risiko Peserta sebagai ganjaran bagi menguruskan dana dengan cekap sehingga memberikan lebihan.

“**Anda**” atau “**Orang Dilindungi**” atau “**Pemilik**” atau “**Peserta**” bermaksud orang yang melaksanakan Sijil ini seperti yang dinyatakan pada Halaman Maklumat Sijil.

“**Dana Risiko Peserta**” atau “**DRP**” bermaksud dana di mana *Tabarru'* akan dikreditkan dan daripadanya faedah tuntutan Takaful dibayar berdasarkan kepada perpaduan, persaudaraan dan kerjasama di kalangan Peserta-peserta. Tiada faedah akan dibayar atas kematangan atau tamat tempoh Sijil.

“**Kekal**” bermaksud dijangka untuk kekal seumur hidup Anda.

“**Defisit neurologi kekal dengan simptom klinikal berterusan**” bermaksud simptom disfungsi dalam sistem saraf yang didapati semasa pemeriksaan klinikal dan dijangka kekal seumur hidup Anda. Simptom-simptom yang dilindungi termasuk kebas, lumpuh, kelemahan setempat, dysarthia (kesukaran bertutur), aphasia (ketidakupayaan bertutur), dysphagia (kesukaran menelan), kecacatan visual, kesukaran berjalan, kekurangan koordinasi, tremor, sawan, demensia, delirium dan koma.

“**Pakar Perubatan**» bermaksud pengamal perubatan berdaftar yang berkelayakan dan dilesenkan untuk mengamal perubatan Barat dan merupakan seorang yang memberikan rawatan tersebut, adalah mengamal dalam skop pelesenan dan latihannya di kawasan geografi tempat ia mengamal, tetapi tidak termasuk pakar perubatan atau pakar bedah yang merupakan Anda itu sendiri.

“**Keadaan Sedia Ada**” bermaksud penyakit/hilang upaya sebelum Tarikh Mula atau Tarikh Penyertaan, yang mana kemudian, dan Anda patut sewajarnya mengetahui tentang keadaan tersebut. Anda dianggap sewajarnya mengetahui tentang sesuatu Keadaan Sedia Ada apabila keadaan itu merupakan keadaan di mana:

- (i) Anda telah menerima atau sedang menerima rawatan;
- (ii) nasihat perubatan, diagnosis, jagaan atau rawatan yang telah disyorkan;
- (iii) gejala yang jelas dan ketara telah terbukti; atau
- (iv) kewujudannya adalah nyata bagi orang yang waras dalam keadaan itu.

“**Ahli Keluarga**” bermaksud suami atau isteri, pasangan, adik-beradik, anak, ibubapa atau ibubapa mertua atau pasangan kepada Entiti. Adik-beradik, anak, ibubapa atau ibubapa mertua atau pasangan termasuk hubungan biologi dan bukan biologi.

“**Lebihan**” bermaksud lebihan yang wujud daripada Dana Risiko Peserta selepas menolak tuntutan dibayar, simpanan dan modal yang diperlukan, jika ada. Lebihan, jika ada, dikira dan akan diagih kepada Peserta yang layak.

“**Tabarru'**” bermaksud 'derma' yang ditetapkan sebagai Caruman bersih selepas ditolak Yuran *Wakalah*, yang berdasarkan jantina, umur dicapai, status perokok dan faktor-faktor lain Orang Dilindungi. *Tabarru'* akan diperuntukkan ke dalam Dana Risiko Peserta untuk tujuan saling membantu antara Peserta-peserta lain yang memerlukannya.

“**Takaful**” bermaksud satu skim bantuan bersama berasaskan prinsip perpaduan, persaudaraan dan kerjasama. Setiap Peserta bersetuju untuk menyumbang (menderma) ke dalam DRP sebagai *Tabarru'* dengan tujuan saling bantu-membantu di antara Peserta-peserta yang memerlukan.

“**Wakalah**” bermaksud agensi, iaitu kontrak di antara Peserta-peserta dan Kami, di mana Peserta-peserta memberi kuasa kepada Kami untuk bertindak bagi pihak mereka untuk mengendalikan urusan perniagaan Takaful. Dalam menjalankan tanggungjawab Kami di bawah kontrak Wakalah, Kami mungkin menggunakan khidmat pihak ketiga untuk melaksanakan tugas-tugas yang berkaitan dengan urusan perniagaan Takaful.

“**Yuran Wakalah**” bermaksud yuran yang Peserta bayar kepada Pengendali untuk perkhidmatan yang dilaksanakan.

“**Kami**” atau “**Pengendali**” bermaksud AIA PUBLIC Takaful Bhd.

Bilamana konteksnya memerlukan, bentuk jantina lelaki juga termasuk jantina perempuan dan istilah tunggal juga termasuk jamak.

SAMPLE

JADUAL PERUNTUKAN CARUMAN

Peruntukan Sijil adalah seperti berikut:

Yuran *Wakalah*

Yuran pendahuluan ditolak sebagai peratusan daripada Caruman yang dibayar untuk Sijil. Ia digunakan untuk menampung perbelanjaan pengurusan.

Tabarru'

Selepas ditolak yuran *Wakalah*, baki Caruman dibayar akan diperuntukkan ke dalam DRP sebagai *Tabarru'* untuk tujuan saling membantu antara Peserta-peserta lain yang memerlukannya.

Tabarru' ditentukan pada awal setiap bulan Sijil berdasarkan seperti berikut:

- 1) umur dicapai;
- 2) jantina;
- 3) Status merokok; dan/atau

faktor-faktor lain Orang Dilindungi seperti kelas pekerjaan dan status kesihatan, jika berkenaan.

Kami berhak untuk menyemak semula *Tabarru'* dan meningkatkan Caruman bagi Sijil dengan memberikan Anda sekurang-kurangnya sembilan puluh (90) hari notis bertulis terlebih dahulu sebelum Ulang Tahun Sijil.

Peruntukan Caruman

Peratusan Caruman yang diperuntukkan seperti berikut:

Tahun Sijil	Peratusan (%) daripada Caruman	
	Yuran <i>Wakalah</i>	Peruntukan Caruman ke dalam DRP (<i>Tabarru'</i>)
1 sehingga Tempoh Matang	30%	70%

PERUNTUKAN DANA

DANA RISIKO PESERTA (DRP)

Berdasarkan konsep Syariah *Tabarru'*, Peserta akan menderma sebahagian Caruman Takaful ke dalam DRP untuk tujuan bantuan bersama. DRP dimiliki oleh kumpulan Peserta dan diuruskan oleh Kami untuk tujuan pembayaran tuntutan untuk peristiwa yang dilindungi oleh Sijil Takaful ini. Walau bagaimanapun, tiada amaun yang akan dibayar daripada DRP apabila Sijil matang atau tamat tempoh.

Sebarang perbelanjaan langsung yang berkaitan bagi tujuan tuntutan (seperti kos siasatan), dan pelaburan (seperti kos transaksi langsung untuk membeli asset pelaburan) yang ditanggung pada peringkat dana, jika ada, akan dicaj dibawah DRP.

Lebih daripada DRP akan ditentukan dan diisytiharkan, jika ada, pada akhir tahun kewangan oleh Kami. Lebih akan diagihkan mengikut perkadaran kepada Peserta yang layak berdasarkan peruntukan *Tabarru'* mereka dalam DRP, dengan syarat tiada faedah dibayar daripada DRP di bawah Sijil Takaful ini semasa ia berkuatkuasa dalam tahun kewangan tertentu.

Menggunakan kontrak *Ju'alah*, Kami berhak untuk mendapat sehingga **lima puluh peratus (50%)** daripada Lebihan boleh agih sebagai *Ujrah* (fi) untuk menguruskan dana dengan cekap yang menyebabkan lebihan. Baki bahagian daripada Lebihan akan diagihkan kepada Peserta yang layak.

Jika ada kekurangan pada DRP, Kami akan membayar kekurangan tersebut daripada dana Kami di bawah prinsip *Al-Qard Al-Hasan* (pinjaman tanpa faedah). Jumlah ini akan dibayar semula daripada Lebihan DRP akan datang sebelum pengagihan.

PERUNTUKAN AIA i-CRITICAL ILLNESS COVER

Sijil Anda dinamakan AIA i-Critical Illness Cover. Sijil ini adalah Sijil penyakit kritikal yang akan tamat pada Tarikh Tamat Tempoh seperti yang dinyatakan pada Halaman Maklumat Sijil. Caruman perlu dibayar sehingga Tarikh Tamat Caruman yang dinyatakan pada Halaman Maklumat Sijil atau atas penamatan Sijil ini, yang mana berlaku lebih awal.

Sijil Anda menyediakan faedah berikut, tertakluk kepada terma-terma dan syarat-syarat di bawah.

FAEDAH

Kami akan menyediakan faedah berikut sekiranya, semasa Sijil ini berkuatkuasa, Orang Dilindungi didiagnosis mengalami Penyakit Kritikal; atau sebenarnya menjalani Pembedahan Dilindungi, tertakluk kepada Orang Dilindungi kekal hidup sekurang-kurangnya lima belas (15) hari dari tarikh didiagnosis mengalami Penyakit Kritikal atau sebenarnya menjalani Pembedahan Dilindungi, dan terma dan syarat berikut:

1. BAYARAN SEKALI GUS BAGI PENYAKIT KRITIKAL

Sekiranya Orang Dilindungi didiagnosis menghadapi Penyakit Kritikal atau menjalankan pembedahan bagi sebarang Pembedahan Dilindungi, Kami akan membayar Anda Jumlah Dilindungi dengan bayaran sekali gus ("Bayaran Sekali Gus").

Bayaran Sekali Gus ini hanya akan dibayar sekali sahaja. Sijil ini akan tamat setelah pembayaran Bayaran Sekali Gus.

2. BAYARAN TERHAD BAGI ANGIOPLASTI DAN RAWATAN INVASIF LAIN UNTUK PENYAKIT ARTERI KORONARI

Dalam kes Angioplasti dan Rawatan Invasif Lain untuk Penyakit Arteri Koronari, tanggungan Kami terhadap kepada sepuluh peratus (10%) daripada Bayaran Sekali Gus ("Bayaran Terhad") tertakluk kepada maksimum RM25,000. Bayaran Terhad ini hanya dibayar sekali sahaja. Sijil ini masih berterusan dengan Jumlah Dilindungi yang dikurangkan.

TEMPOH PERLINDUNGAN DAN PEMBAHARUAN

Sijil ini akan diperbaharui pada setiap Ulang Tahun Sijil dengan bayaran Caruman terlebih dahulu pada kadar Caruman yang ditetapkan oleh Kami pada masa pembaharuan, tertakluk kepada terma dan syarat Sijil ini.

Caruman yang perlu dibayar untuk Sijil ini adalah tidak dijamin dan Kami berhak menyemak semula kadar Caruman yang terpakai dengan memberi Anda sembilan puluh (90) hari notis bertulis terdahulu melalui pos biasa ke alamat terakhir Anda atau mel elektronik dalam rekod Kami. Kadar Caruman yang disemak akan digunakan pada pembaharuan Sijil yang berikutnya.

Sebarang semakan Caruman hendaklah terpakai kepada semua Peserta tanpa mengira pengalaman tuntutan mereka mengikut penilaian risiko Kami.

Sekiranya terdapat kenaikan Caruman bagi Sijil ini, Anda perlu membayar Caruman mengikut kadar yang disemak semula.

Sijil ini boleh diperbaharui mengikut pilihan Anda sehingga berlakunya mana-mana yang berikut:

- (a) penipuan atau salah nyataan fakta material semasa permohonan;
- (b) tiada bayaran Caruman atau Caruman tidak dibayar mengikut masa;
- (c) Sijil ini dibatalkan atas permintaan Anda;
- (d) Sijil ini luput pada Tarikh Tamat Tempoh;
- (e) pembayaran Bayaran Sekali Gus;
- (f) Orang Dilindungi mencapai had umur perlindungan yang ditetapkan; atau
- (g) kematian Orang Dilindungi.

PENGECUALIAN

Sijil ini tidak akan melindungi:

- (a) sebarang penyakit atau pembedahan selain daripada yang didiagnosis dengan Penyakit Kritikal seperti yang ditakrifkan di sini;
- (b) Penyakit Kritikal No. 1, 7 hingga 39 dengan tanda-tanda atau gejala-gejala, yang pertama kali berlaku dalam tempoh tiga puluh (30) hari selepas Tarikh Penyertaan atau Tarikh Mula, yang mana kemudian;
- (c) Penyakit Kritikal No. 2 hingga 6 dengan tanda-tanda atau gejala-gejala, yang pertama kali berlaku dalam tempoh enam puluh (60) hari selepas Tarikh Penyertaan atau Tarikh Mula, yang mana kemudian;
- (d) sebarang Penyakit Kritikal didiagnosis yang disebabkan, secara langsung atau tidak langsung, oleh kecacatan kongenital atau penyakit yang ditunjukkan dengan jelas atau didiagnosis sebelum Anda mencapai umur tujuh belas (17) tahun;
- (e) sebarang Keadaan Sedia Ada sebelum Tarikh Penyertaan atau Tarikh Mula, yang mana kemudian;
- (f) Anda didiagnosis dengan Hepatitis Viral Fulminan, Kanser, Ensefalitis, Meningitis Bakteria, Penyakit Alzheimer/Demensia Teruk atau Penyakit Terminal (Membawa Maut), yang pada pendapat Kami disebabkan secara langsung atau tidak langsung oleh Sindrom Kurang Daya Tahan Melawan Penyakit (AIDS), atau jangkitan oleh sebarang HIV. Kami berhak untuk mengarahkan Anda menjalani ujian darah untuk HIV sebagai syarat lazim untuk penerimaan sebarang tuntutan. Bagi tujuan Sijil ini:
 - (i) Takrifan AIDS akan merupakan apa yang digunakan oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia pada tahun 1987, atau semakan terbarunya oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia akan takrifan itu.
 - (ii) Jangkitan hendaklah dianggap telah berlaku di mana ujian darah atau sebarang ujian lain menandakan, pada pendapat Kami, kewujudan sebarang HIV atau Antibodi terhadap Virus seperti itu.
- (g) mana-mana daripada Penyakit Kritikal atau Pembedahan Dilindungi yang diterangkan di sini adalah disebabkan oleh kecederaan yang disengajakan.

PERUNTUKAN AM

SIJIL TAKAFUL

Sijil ini dikeluarkan sebagai balasan bagi bayaran Caruman seperti yang dinyatakan dalam Halaman Maklumat Sijil di atas dan menurut:

(i) jawapan yang diberikan oleh Anda dalam permohonan atau sebarang soal selidik kemudiannya yang diberikan oleh Kami mengenai apa-apa perkara yang berkaitan dengan permohonan Anda dan sebarang pendedahan yang dibuat oleh Anda di antara masa penyerahan permohonan Anda dan masa Sijil ini dimeterai; dan

(ii) laporan perubahan dan sebarang laporan dan soal selidik lain;

(secara kolektif dirujuk sebagai 'Maklumat Penting')

dan Maklumat Penting tersebut akan membentuk sebahagian daripada Sijil ini antara Kami dan Anda. Walau bagaimanapun, sekiranya terdapat sebarang salah nyata prakontrak yang dibuat berkaitan dengan Maklumat Penting tersebut, hanya remedi dalam Jadual 9 Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 sahaja yang akan terpakai.

Sekiranya Anda dikehendaki oleh Kami, sebelum Sijil diperbaharui atau diubah, untuk menjawab sebarang soalan atau jika Anda dikehendaki untuk mengesahkan atau meminda apa-apa perkara yang sebelum ini telah didedahkan oleh Anda kepada Kami berkaitan dengan Sijil ini, adalah menjadi kewajipan Anda untuk mengambil segala langkah yang sewajarnya untuk tidak membuat salah nyata apabila menjawab soalan tersebut atau mengesahkan atau meminda apa-apa perkara yang didedahkan sebelum ini.

Anda mestilah memaklumkan kepada Kami mengenai sebarang perubahan pada maklumat yang telah diberikan kepada Kami dalam jawapan Anda atau berkaitan dengan apa-apa perkara yang telah didedahkan kepada Kami sebelum ini berkaitan dengan Sijil ini jika perubahan tersebut telah berlaku selepas Anda mengemukakan permohonan pembaharuan atau perubahan tetapi sebelum Sijil ini diperbaharui atau diubah.

Terma-terma dan syarat-syarat Sijil ini tidak boleh diubah atau diketepikan melainkan dengan endorsan yang ditandatangani dengan sempurna oleh Ketua Pengawai Eksekutif atau Pendaftar Kami.

KETIDAKBOLEHTANDINGAN

Kami tidak akan menandingi kesahihan Sijil ini selepas ia berkuatkuasa semasa hayat Anda selama tempoh lebih daripada dua (2) tahun dari Tarikh Penyertaan atau Tarikh Mula, yang mana kemudian. Walaubagaimanapun, jika Kami dapat tunjukkan bahawa terdapat penyekatan fakta material atau pernyataan yang dibuat oleh Anda/Orang Dilindungi atas sesuatu perkara material adalah tidak tepat, palsu, mengelirukan dan ia dibuat atau ditinggalkan secara fraud, Kami berhak membatalkan Sijil ini secara wajarnya.

Di mana Sijil ini telah berkuatkuasa semasa hayat Anda selama tempoh dua (2) tahun atau kurang dari Tarikh Penyertaan atau Tarikh Mula, yang mana kemudian, Kami boleh membatalkan Sijil ini dan menolak semua tuntutan jika suatu salah nyataan adalah sengaja atau melulu.

Jika salah nyataan adalah cuai atau ikhlas, Kami berhak dalam budi bicara mutlak Kami:

(a) membatalkan Sijil ini dan menolak semua tuntutan, dalam hal ini Kami akan membayar semua Caruman yang telah dibayar tanpa faedah. Pembayaran ini akan menjadi pelepasan sepenuhnya dan secara sah dari sebarang liabiliti di bawah Sijil ini; atau

(b) mengambil mana-mana remedi yang diperlukan berdasarkan Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013.

SALAH NYATA UMUR DAN/ATAU JANTINA

Sijil ini dikeluarkan pada umur yang dinyatakan pada Halaman Maklumat Sijil dimana ia merupakan umur Orang Dilindungi yang diisytiharkan pada ulang tahun kelahiran terakhir dalam permohonan. Sekiranya pada masa sebarang tuntutan dibuat, umur atau jantina Dilindungi didapati disalah nyata, maka Kami akan membuat penyelarasan berdasarkan kepada berikut:

- (a) Jika Caruman berdasarkan kepada umur atau jantina Orang Dilindungi yang betul adalah lebih tinggi daripada Caruman yang telah dibayar, Kami akan mengurangkan faedah yang akan dibayar di bawah Sijil ini dengan perbezaan antara Caruman sebenar yang dibayar dan Caruman yang sepatutnya dibayar untuk Sijil ini;
- (b) Jika Caruman berdasarkan kepada umur atau jantina Orang Dilindungi yang betul adalah lebih rendah daripada Caruman yang telah dibayar, maka perbezaan Caruman akan dipulangkan tanpa faedah.

Sekiranya berasaskan umur betul Orang Dilindungi tidak boleh diberikan perlindungan Takaful di bawah Sijil ini mengikut peraturan pengunderaitan Kami, maka Sijil ini akan terbatal dan di mana Kami akan Caruman yang telah dibayar selepas menolak sebarang kos yang ditanggung oleh Kami di bawah Sijil ini. Bukti umur juga mungkin diperlukan oleh Kami pada masa pemprosesan sebarang tuntutan di bawah Sijil ini.

UNDANG-UNDANG MENTADBIR

Sijil ini tertakluk di bawah undang-undang Malaysia dan mahkamah-mahkamah Malaysia akan mempunyai bidang kuasa untuk menyelesaikan sebarang tuntutan yang mungkin timbul daripada atau yang berkaitan dengan Sijil ini.

MATA WANG DAN TEMPAT PEMBAYARAN

Semua amaun boleh dibayar sama ada kepada Kami atau oleh Kami akan dibayar dalam mata wang seperti yang dinyatakan pada Halaman Maklumat Sijil atau endorsan seterusnya. Semua amaun yang perlu dibayar oleh Kami akan dibayar di Pejabat Kami.

KEBEBASAN DARIPADA PEMBatasan

Melainkan dinyatakan sebaliknya, Sijil ini adalah bebas daripada sebarang pembatasan terhadap Orang Dilindungi dari segi perjalanan, tempat tinggal atau pekerjaan.

PINDAAN

Kami berhak untuk meminda syarat dan peruntukan Sijil ini dengan memberi notis sembilan puluh (90) hari terdahulu secara bertulis melalui pos biasa ke alamat terakhir Anda atau mel elektronik yang diketahui yang ada dalam rekod Kami, dan pindaan tersebut akan terpakai dari pembaharuan Sijil ini yang berikutnya. Tiada pindaan pada Sijil ini akan sah melainkan dibenarkan oleh Kami dan kelulusan tersebut harus dibuat dengan Endorsan pada Sijil ini.

Sekiranya Orang Dilindungi berniat membuat pindaan atau mengeneipkan mana-mana peruntukan dalam Sijil ini, pindaan atau pengeneipian sedemikian harus dibuat dengan Endorsan. Endorsan itu harus ditandatangani oleh Ketua Pengawai Eksekutif atau Pendaftar Kami.

PERSIJILAN, MAKLUMAT DAN BUKTI

Kesemua sijil, maklumat, laporan perubatan dan bukti seperti yang dikehendaki oleh Kami hendaklah diberikan dan ditanggung oleh Anda, dan dalam bentuk yang dikehendaki oleh Kami. Kesemua notis yang Kami kehendaki hendaklah diberi oleh Anda secara bertulis dan dialamatkan kepada Kami. Anda, mestilah atas permintaan dan perbelanjaan Kami, hendaklah menjalani pemeriksaan kesihatan bilamana pemeriksaan tersebut dirasakan perlu.

PENIMBANGTARAAN

Kesemua perselisihan yang timbul daripada Sijil ini hendaklah dirujuk kepada keputusan seorang penimbangtara yang akan dilantik secara bertulis oleh pihak-pihak yang berselisih itu. Sekiranya mereka tidak mencapai persetujuan tentang siapa yang akan menjadi penimbangtara dalam tempoh satu (1) bulan selepas dikehendaki berbuat demikian secara bertulis, maka kedua-dua pihak berhak untuk melantik seorang penimbangtara masing-masing yang akan mendengar perselisihan tersebut bersama dengan seorang wasit yang akan dilantik oleh kedua-dua penimbangtara itu. Walaubagaimanapun, ini adalah dengan syarat mana-mana penolakan tuntutan liabiliti oleh Kami bagi sebarang tuntutan di bawah Sijil ini mestilah dirujuk kepada seorang penimbangtara dalam tempoh dua belas (12) bulan kalendar dari tarikh penolakan tuntutan tersebut.

BAYARAN FAEDAH

Semua faedah akan dibayar kepada Anda. Sekiranya Anda meninggal dunia sebelum tuntutan diselesaikan, faedah tersebut akan dibayar kepada wakil Anda yang sah. Bayaran sedemikian adalah sebagai pelepasan bagi wang yang perlu dibayar di bawah Sijil ini.

Faedah yang diperuntukkan di bawah Sijil ini tidak boleh diserahkan hak.

Kami mempunyai hak mutlak untuk meminta keterangan lanjut, laporan perubahan atau menjalankan pemeriksaan sejarah perubahan sebelum manfaat dibayar kepada Anda.

PROSEDUR TUNTUTAN

1. Notis Tuntutan

Notis bertulis tuntutan mestilah diberikan kepada Kami dalam masa enam puluh (60) hari selepas Orang Dilindungi didiagnosis Penyakit Kritikal atau Pembedahan Dilindungi. Notis tersebut perlu dikemukakan kepada Kami dengan butir-butir yang mencukupi untuk mengenal pasti Anda, akan diterima sebagai notis kepada Kami. Kegagalan memberikan notis dalam tempoh masa itu tidak akan membatalkan sebarang tuntutan, sekiranya ia dapat dibuktikan tidak munasabah secara wajar untuk memberikan notis seperti itu dan bahawa notis tersebut diberikan sebaik sahaja ia munasabah secara wajar diberikan.

2. Bukti Penyakit Kritikal

Kami, selepas menerima notis seperti itu, akan memberikan pihak menuntut borang-borang yang berkenaan untuk memfailkan bukti Penyakit Kritikal. Sekiranya borang tersebut tidak diberikan dalam masa lima belas (15) hari, pihak menuntut dengan bukti bertulis yang meliputi kejadian dan keadaan kematian, atau kejadian, ciri-ciri atau tahap Penyakit Kritikal di atas tuntutan yang dibuat hendaklah dianggap telah mematuhi syarat peruntukan ini.

3. Memfail Bukti Penyakit Kritikal

Bukti Penyakit Kritikal atau Pembedahan Dilindungi mestilah dikemukakan kepada Kami semasa jangka hayat Orang Dilindungi. Bukti tersebut perlu diberikan dalam masa enam (6) bulan selepas didiagnosis dengan Penyakit Kritikal atau pelaksanaan pembedahan tersebut.

TEMPOH PERCUBAAN

Anda berhak membatalkan Sijil ini dengan mengemukakan notis bertulis kepada Kami. Caruman yang telah dibayar akan dipulangkan kepada Anda. Notis tersebut hendaklah ditandatangani oleh Anda dan diterima terus oleh Kami dalam masa lima belas (15) hari selepas Anda menerima Sijil ini.

SERAHAN SIJIL

Anda boleh, pada bila-bila masa semasa hayat Anda dan semasa Sijil berkuatkuasa, menyerahkan Sijil ini dengan memberikan notis bertulis kepada Kami.

Setelah Sijil ini diserahkan, *Tabarru'* yang tidak digunakan daripada DRP dan Yuran *Wakalah* yang tidak diperolehi daripada Dana Pengendali Takaful, akan dipulangkan semula kepada Anda pada waktu serahan, dengan syarat tiada tuntutan dibuat pada Tahun Sijil semasa. Pulangan ini tidak terpakai bagi Sijil dengan kaedah bayaran bulanan.

Tempoh Tidak Melebihi	Peratusan (%) peruntukan daripada Dana Pengendali Takaful dan DRP			
	Tahunan	Setengah tahunan	Suku tahunan	Bulanan
15 hari*	90	80	70	Tiada bayaran balik
1 bulan	80	70	50	
2 bulan	70	50	20	
3 bulan	60	30	Tiada bayaran balik	
4 bulan	50	20	50	
5 bulan	40	10	20	
6 bulan	30	Tiada bayaran balik	Tiada bayaran balik	
7 bulan	25	70	50	
8 bulan	20	50	20	
9 bulan	15	30	Tiada bayaran balik	
10 bulan	10	20	50	
11 bulan	5	10	20	
12 bulan	Tiada bayaran balik	Tiada bayaran balik	Tiada bayaran balik	

(Nota* Tidak terpakai untuk Tahun Sijil yang pertama. Sila rujuk fasal Tempoh Percubaan.)

PENAMATAN

Sijil Anda akan tamat secara automatik pada kejadian yang paling awal untuk perkara berikut:

- (i) kematian Orang Dilindungi; atau
- (ii) pembayaran Bayaran Sekali Gus; atau
- (iii) tiada bayaran Caruman atau Caruman tidak dibayar mengikut masa; atau
- (iv) jika Sijil ini tamat tempoh, dibatalkan, diserahkan atau ditamatkan.

Pembayaran atau penerimaan apa-apa Caruman selepas penamatan Sijil ini tidak akan mewujudkan apa-apa liabiliti di pihak kami tetapi kami akan membayar balik Caruman tersebut tanpa faedah.

NOTIS DAN SURAT-MENYURAT

- (i) Kecuali sebagaimana disediakan, sebarang notis, permintaan, arahan atau surat-menyurat yang dikehendaki atau dibenarkan untuk diberi di bawah Sijil ini kepada Kami atau Anda haruslah dibuat secara bertulis. Tiada pindaan dalam terma Sijil ini atau mana-mana Endorsan di atasnya, akan dianggap sah kecuali yang ditandatangani oleh wakil Kami yang diberi kuasa.
- (ii) Kami akan menghantar melalui pos atau menyerahkan secara peribadi sebarang notis, permintaan, arahan atau surat-menyurat ke alamat terakhir Anda yang diketahui yang ada dalam rekod Kami. Ia akan disifatkan secara muktamadnya akan diterima:
 - (a) jika dihantar secara serahan peribadi: pada waktu penyerahan;
 - (b) jika dihantar melalui pos, sama ada berdaftar atau tidak: tujuh (7) hari selepas tarikh diposkan, jika diposkan di dalam negara, dan empat belas (14) hari jika diposkan ke alamat luar negara; dan
 - (c) jika dihantar melalui mel elektronik, selepas tamat dua puluh empat (24) jam dari tarikh mel elektronik

PERKONGSIAN LEBIHAN

Kami akan mengurus dan melabur DRP, mengikut strategi pelaburan yang menurut prinsip Syariah.

Sekiranya terdapat sebarang Lebihan yang timbul dari DRP, Anda bersetuju bahawa Pengendali akan menerima lima puluh peratus (50%) daripadanya sebagai insentif, atas dasar *Ju'alah* sementara baki lima puluh peratus (50%) akan disimpan untuk diagihkan kepada Peserta-peserta, tertakluk kepada terma Sijil ini dan peraturan-peraturan yang telah ditetapkan oleh pihak berkuasa. Lebihan akan diagihkan kepada setiap Peserta mengikut sumbangan *Tabarru'* ke dalam DRP semasa tahun kewangan tersebut.

Sebarang perkongsian Lebihan kepada Peserta-peserta akan dikongsi secara bersekadaran dan tertakluk kepada Sijil ini tidak mempunyai sebarang tuntutan dan/atau tidak menerima sebarang faedah yang dibayar di bawah setiap jenis perlindungan di bawah Sijil ini semasa Sijil ini masih berkuatkuasa.

AL-QARD AL-HASAN

Sekiranya DRP tidak mencukupi untuk membayar liabilitinya, Pengendali akan menampung kekurangan itu di bawah prinsip *Al-Qard Al-Hasan* (pinjaman tanpa faedah). Amaun ini akan dibayar semula kepada Pengendali daripada DRP tanpa keuntungan apabila DRP mencukupi, sebelum sebarang pengagihan Lebihan dibuat.

CAJ, BAYARAN LAIN YANG DIKENAKAN OLEH UNDANG-UNDANG

Caruman yang akan dibayar oleh Peserta kepada Kami di bawah Sijil ini adalah tidak termasuk sebarang Cukai, dan sekiranya di bawah undang-undang, Kami perlu membayar Cukai di atas Caruman yang dibayar oleh Peserta, Kami akan mengira dan memungut dari Peserta sebarang bayaran yang dibayar atau perlu dibayar di bawah Sijil ini disebabkan oleh sebarang Cukai, amaun tersebut perlu dibayar oleh Peserta sebagai tambahan kepada dan tanpa sebarang penolakan atau pengurangan daripada Caruman yang boleh dibayar kepada Kami di bawah Sijil ini. Cukai ditakrifkan sebagai sebarang cukai sama ada sekarang atau masa depan, secara langsung atau tidak langsung, termasuk cukai jualan, cukai perkhidmatan, sebarang cukai lain yang sama sifatnya, levi, impos, duti, caj, fi, pengurangan atau sebarang jenis penangguhan, dan sebarang faedah atau penalti yang dikenakan dengannya.

FASAL HAD DAN PENGECUALIAN SEKATAN

- (i) Pengendali Takaful tidak akan memberi perlindungan untuk sebarang risiko dan/atau aktiviti dan tidak akan bertanggungjawab membayar sebarang tuntutan atau manfaat di bawah Sijil ini sekiranya peruntukan perlindungan, pembayaran tuntutan atau peruntukan manfaat tersebut akan mendedahkan Pengendali Takaful kepada mana-mana sekatan, larangan atau batasan di bawah resolusi Bangsa bangsa Bersatu (UN), atau perdagangan atau sekatan ekonomi, undang-undang atau peraturan peraturan Kesatuan Eropah, United Kingdom atau Amerika Syarikat, atau sebarang dari negerinya, dan/atau sebarang undang-undang atau peraturan-peraturan sekatan ekonomi atau perdagangan lain yang berkenaan.
- (ii) Pengendali Takaful tidak akan memberi perlindungan untuk sebarang risiko dan/atau aktiviti dan tidak akan bertanggungjawab membayar sebarang tuntutan atau manfaat di bawah Sijil ini sekiranya peruntukan perlindungan, pembayaran tuntutan atau peruntukan manfaat tersebut adalah untuk sebarang Entiti dan/atau Saudara/Kenalan Rapat dari mana-mana Entiti.
- (iii) Pengendali Takaful boleh menamatkan Sijil ini dengan serta-merta dan selepas itu tidak dikehendaki untuk melakukan apa-apa urusan dengan Anda yang berkaitan dengan Sijil ini, termasuk tetapi tidak terhad kepada, membuat atau menerima sebarang pembayaran di bawah Sijil ini.

LAIN-LAIN PERUNTUKAN AM

- (i) Sebarang fasal Peruntukan Am ini yang salah, tidak sah atau tidak boleh dikuatkuasakan di bawah undang-undang Malaysia, tidak akan menjejaskan perundangan, kesahan atau penguatkuasaan mana-mana fasal lain dalam Sijil ini.
- (ii) Buku-buku dan/atau akaun-akaun Kami akan merupakan bukti muktamad tentang keadaan akaun-akaun di antara pihak-pihak dalam Sijil ini. Sebarang pengesahan oleh mana-mana pegawai Kami mengenai wang atau liabiliti yang buat sementara waktu perlu dibayar atau berbaki atau terutang kepada Kami oleh Orang Dilindungi akan mengikat dan akan menjadi bukti muktamad ke atas Orang Dilindungi di semua mahkamah undang-undang dan di tempat-tempat lain.

- (iii) Sekiranya Kami lewat atau gagal dalam melaksanakan mana-mana hak/remedi di bawah Sijil ini, ia tidak akan berfungsi sebagai penepian hak/remedi tersebut. Mana-mana pelaksanaan tunggal/separa mana-mana hak/remedi tersebut tidak akan menghalang mana-mana pelaksanaan hak/remedi yang lain. Hak dan remedi yang diperuntukkan dalam Sijil ini adalah kumulatif dan tidak terhad kepada mana-mana hak/remedi lain (sama ada diperuntukkan oleh undang-undang atau sebaliknya).
- (iv) Sijil ini akan terus sah dan mengikat bagi semua tujuan meskipun berlaku sebarang perubahan melalui penggabungan, perubahan nama, penyusunan semula atau sebagainya yang mungkin dibuat dalam penubuhan Kami.
- (v) Terma-terma dan syarat-syarat yang dinyatakan dalam Sijil ini akan membentuk seluruh terma-terma dan syarat-syarat Sijil ini. Tiada representasi atau kenyataan terdahulu yang tidak konsisten yang dibuat mengenai Sijil ini, sama ada secara lisan ataupun bertulis, akan membentuk mana-mana bahagian Sijil ini.
- (vi) Kami berhak untuk mengubah terma-terma Sijil ini dalam cara tertentu sebagaimana yang dianggap sesuai sekiranya berlaku perubahan undang-undang atau perubahan dalam asas levi percukaian yang terpakai kepada Kami atau Sijil ini.
- (vii) Kecuali ada sesuatu dalam subjek atau konteks yang tidak selaras dengan pentafsiran tersebut atau kecuali ia dinyatakan sebaliknya:
- (a) Semua Caruman (termasuk Caruman Tokokan), permintaan untuk pengeluaran sebahagian, penyerahan, penambahan atau pengurangan Jumlah Dilindungi/ caruman, pertukaran Dana atau pemberitahuan tuntutan mesti diterima dan diluluskan di Pejabat-pejabat Kami pada masa yang ditentukan oleh Kami.
 - (b) Sebarang rujukan kepada "hari perniagaan" adalah rujukan kepada hari (bukan hari Sabtu, Ahad atau Cuti Am di Malaysia) di mana bank-bank yang berlesen untuk menjalankan perniagaan perbankan di bawah peruntukan-peruntukan Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 dibuka untuk perniagaan di Malaysia dan sebarang rujukan kepada "hari", "minggu", "bulan" atau "tahun" merupakan hari, minggu, bulan atau tahun menurut takwim Gregory.
 - (c) Mana-mana urusan niaga yang dibuat atau akan dibuat mestilah dibuat mengikut masa yang ditentukan oleh Kami pada hari perniagaan itu untuk disifatkan sebagai diurusniagakan pada hari perniagaan itu. Jika tidak, ia akan disifatkan sebagai diurusniagakan pada hari perniagaan yang berikutnya.
 - (d) Halaman Maklumat Sijil bagi Sijil ini adalah bahagian penting Sijil ini. Sekiranya timbul sebarang konflik atau percanggahan antara mana-mana peruntukan Sijil ini, maka konflik atau percanggahan tersebut, bagi tujuan tafsiran dan penguatkuasaan Sijil ini, akan diselesaikan dengan memberi keutamaan kepada peruntukan-peruntukan yang terkandung dalam fasal-fasal Peruntukan Am dan diberi keutamaan melebihi peruntukan-peruntukan yang terkandung dalam Halaman Maklumat Sijil ini.

PERUNTUKAN PEMILIKAN

PESERTA

Anda adalah Peserta Sijil ini, seperti yang dinyatakan di dalam Halaman Maklumat Sijil, sehingga berlaku sebarang pindaan. Sebagai Peserta, Hanya Anda boleh, semasa hayat Anda, melaksanakan kesemua hak, keistimewaan dan pilihan yang diperuntukkan di bawah Sijil ini.

SAMPLE

PERUNTUKAN CARUMAN

BAYARAN

Semua Caruman untuk Sijil ini harus dibayar pada atau sebelum tarikh genap tempohnya kepada Kami, sama ada di pejabat Kami yang mengeluarkannya atau kepada ejen atau juruwang Kami yang dibenarkan. Kami akan mengeluarkan resit rasmi bagi setiap pembayaran yang diterima oleh Pejabat Kami. Walaubagaimanapun, sekiranya Anda membayar Caruman secara kad kredit/debit atau autodebit dari akaun bank Anda, Kami tidak akan mengeluarkan resit rasmi bagi pembayaran tersebut. Slip deposit yang disahkan atau potongan Caruman yang ditunjukkan dalam penyata kad kredit/debit atau penyata bank Anda akan dianggap sebagai bukti pembayaran.

PERUBAHAN

Anda boleh mengubah kekerapan bayaran Caruman secara permintaan bertulis kepada Kami. Tertakluk kepada keperluan minimum Caruman Kami, Caruman boleh dibayar secara tahunan, separuh tahunan, suku tahunan atau bulanan pada kadar Caruman yang diterima pakai pada Tarikh Dikeluarkan.

KEMUNGKIRAN

Selepas bayaran Caruman pertama, kegagalan untuk membayar Caruman berikutnya pada atau sebelum tarikh genap tempohnya akan menjadi kemungkiran bagi bayaran Caruman.

TEMPOH IHSAN

Tempoh Ihsan selama tiga puluh satu (31) hari dari tarikh genap tempoh akan dibenarkan untuk bayaran setiap Caruman berikutnya. Sijil ini akan kekal berkuatkuasa sepanjang Tempoh Ihsan. Sekiranya terdapat sebarang tuntutan semasa Tempoh Ihsan, sebarang baki Caruman tertunggak akan ditolak dari jumlah tuntutan dibayar di bawah Sijil ini. Sekiranya sebarang Caruman masih belum dibayar pada akhir Tempoh Ihsannya, maka Sijil ini akan luput dan tidak lagi mempunyai sebarang nilai.

PENGEMBALIAN SEMULA

Sekiranya Caruman masih lagi tertunggak selepas Tempoh Ihsan dan jika Sijil ini belum diserahkan untuk Nilai Serahan, Sijil ini boleh dikembalikan semula oleh Kami atas budi bicara sebelum Tarikh Tamat Sijil Anda dan juga tertakluk kepada yang berikut::

- (i) Permohonan bertulis dibuat oleh Anda untuk mengembalikan semula Sijil ini;
- (ii) Orang Dilindungi masih dalam lingkungan umur yang dibenarkan sepertimana yang ditentukan oleh Kami pada masa pengembalian semula;
- (iii) Orang Dilindungi perlu memberi bukti kelayakan bagi perlindungan Takaful yang memuaskan kepada Kami;
- (iv) Pembayaran semua Caruman yang tertunggak;
- (v) Pembayaran sebarang keberhutangan yang mungkin diperlukan oleh Kami;
- (vi) Lain-lain terma dan syarat yang mungkin dikenakan oleh Kami pada masa tersebut; dan
- (vii) Sebarang pengembalian semula hanya akan melindungi kerugian atau peristiwa yang dilindungi yang berlaku selepas tarikh pengembalian semula.

KENYATAAN MAKLUMAT SIJIL

Sijil Takaful Hayat Anda adalah hak milik yang amat berharga dan berguna dalam membantu keluarga Anda jika sebarang ketidaktentuan berlaku di masa hadapan.

Anda mungkin tidak mempunyai masa untuk memahami segala peruntukan Sijil tersebut, tetapi adalah penting untuk Anda mengetahui faedah-faedah unik Sijil Takaful ini. Kenyataan Maklumat Sijil ini disediakan khas dalam bahasa yang mudah bagi memaklumkan beberapa faedah tersebut.

1. (a) Bayaran Caruman Anda boleh dibuat secara tahunan, setengah tahunan, suku tahunan atau bulanan, yang mana sesuai untuk Anda.
- (b) Anda boleh membayar Caruman melalui mana-mana cara berikut mengikut budi bicara Kami:
 - (i) Autodebit menerusi kad Visa/MasterCard;
 - (ii) Autodebit melalui bank seperti yang dinyatakan oleh Kami; atau
 - (iii) Terus kepada Kami.

Sekiranya Anda membayar Caruman Anda menerusi kad Visa/MasterCard atau secara autodebit, Kami tidak akan menghantar sebarang notis awal kepada Anda apabila Caruman Anda perlu dibayar. Tiada resit rasmi akan dikeluarkan sekiranya bayaran dibuat secara (i) atau (ii) di atas. Slip deposit yang disahkan atau potongan Caruman yang ditunjukkan dalam penyata kad Visa/MasterCard atau penyata bank Anda akan dianggap sebagai bukti pembayaran.

2. Jika umur Anda tidak disahkan, Anda dikehendaki mengemukakan satu salinan kad pengenalan sebagai bukti umur apabila diminta oleh Kami.
3. Adalah penting untuk Anda memaklumkan kepada Kami tentang sebarang perubahan pada alamat Anda atau alamat Penama(-penama) Anda.
4. Anda berhak membatalkan Sijil ini dengan mengemukakan notis bertulis dan memulangkan Sijil ini kepada Kami. Notis tersebut hendaklah ditandatangani oleh Anda dan diterima terus oleh Kami dalam masa lima belas (15) hari selepas Anda menerima Sijil ini. Kami akan membayar balik sebarang Caruman yang Anda bayar, tanpa keuntungan, dan Sijil Anda akan dibatalkan tertakluk kepada penolakan kos perbelanjaan yang ditanggung bagi pemeriksaan kesihatan Anda (jika ada).
5. Anda boleh menyerahkan Sijil ini, walau bagaimanapun, ia tidak akan menguntungkan jika Anda menyerahkan Sijil Anda.
6. Sekiranya terdapat sebarang pertikaian berhubung Sijil ini, Anda boleh menulis kepada:

(a) **AIA PUBLIC Takaful Bhd.**
Menara AIA
99 Jalan Ampang
50450 Kuala Lumpur
Customer Contact:
1-300-88- 8922
Fax: 03-2056 3690
Website: www.aia.com.my

(b) **Ombudsman for Financial Services (664393P)**
(Formerly known as Financial Mediation Bureau)
Level 14, Main Block,
Menara Takaful Malaysia
No 4, Jalan Sultan Sulaiman
50000 Kuala Lumpur
Tel: 03-2272 2811
Fax: 03-2272 1577
E-mail: enquiry@ofs.org.my
Website: www.ofs.org.my

(c) **Contact Centre (BNMTELELINK) Laman Informasi Nasihat dan Khidmat (LINK)**
Bank Negara Malaysia
P.O. Box 10922
50929 Kuala Lumpur
Tel: 1-300-88-5465
(1-300-88-LINK)
(Overseas: +603-2174 1717)
Fax: 03-2174 1515
E-mail: bnmtelelink@bnm.gov.my

7. Jika Anda mempunyai sebarang pertanyaan berkenaan Sijil Anda, Anda boleh menghubungi mana-mana Pusat Pelanggan AIA yang disenaraikan dalam AIA.COM.MY.

8. Sekiranya tuntutan dibuat di bawah Sijil, Anda dinasihati untuk memaklumkan Kami dengan segera. Anda boleh merujuk kepada peruntukan yang berkenaan dalam Sijil untuk prosedur tuntutan yang terperinci.
9. Kepentingan Anda sebagai Peserta adalah dilindungi di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 dan dikawal oleh Bank Negara Malaysia.

Nota:

Penerangan di atas bertujuan membantu Anda dalam memahami syarat-syarat Sijil dan tidak boleh dianggap atau ditafsir sebagai satu pengubahsuaian atau pembedahan terhadap peruntukan Sijil.

SAMPLE